



# Pencetusan Penyusuan Ibu Angkat

Pencetusan penyusuan ibu bukan perkara mudah bagi wanita yang bergelar ibu angkat dan mahu menyusukan anak angkat mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan ibu angkat ini tidak pernah hamil atau melahirkan anak. Oleh sebab itu, bagi wanita yang tidak pernah hamil atau melahirkan anak, proses pembentukan dan kematangan kelenjar mamari tidak berlaku. Namun begitu, hal ini bukan penghalang penghasilan susu ibu bagi penyusuan anak angkat.

Selain menjadikan anak angkat mahram bagi kedua-dua ibu bapa angkat, penyusuan anak angkat juga memberikan makanan yang terbaik kepada bayi. Hal ini dikatakan demikian kerana susu ibu ialah susu terbaik untuk membesarkan yang sihat.

Menurut Dr. Jack Newman dalam bukunya, *The Ultimate Breastfeeding Book of Answers*, susu formula bukan pilihan kedua terbaik selepas susu ibu. Susu formula ialah pilihan keempat selepas susu perahan ibu dan susu ibu daripada ibu susuan.

Di samping itu, dalam agama Islam, setiap ibu yang melahirkan anak digalakkan untuk menyusukan anak dengan susu ibu sehingga anak itu berusia dua tahun. Bagi ibu angkat, pengambilan ubat atau bantuan rawatan untuk perangsangan penghasilan susu ibu bagi penyusuan anak angkat dijaraskan. Namun begitu, ubat yang

diambil mestilah tidak mengandungi unsur najis atau mudarat.

Penghasilan susu ibu berlaku ketika proses kehamilan. Pada masa ini, penghasilan beberapa jenis hormon di dalam badan wanita hamil mula meningkat. Hormon ini ialah progesteron dan estrogen yang dirembeskan oleh ovari, serta prolaktin yang dirembeskan oleh kelenjar pituitari. Tujuan peningkatan hormon ini adalah sebagai persediaan bagi penyusuan ibu.



Penggunaan sistem kejururawatan tambahan.



Bagi teknik penyusuan menerusi cawan, bayi meminum susu daripada cawan kecil, bukannya susu dituang ke mulut bayi.

Pada peringkat akhir kehamilan, aras hormon progesteron dan estrogen mula menurun, manakala aras hormon prolaktin bertambah untuk memulakan penghasilan dan pengeluaran susu ibu melalui payudara. Prosedur ini cuba ditiru bagi membolehkan ibu yang tidak pernah hamil mengalami proses pencetusan susu ibu melalui payudara. Apabila susu ibu berjaya dihasilkan, langkah untuk meningkatkan dan mengekalkan penghasilan susu menjadi mudah.

Sebaik-baiknya, wanita yang ingin menyusukan anak angkat perlu melakukan proses penghasilan susu lebih awal sebelum ketibaan anak angkat. Sebagai contohnya, wanita yang ingin menyusukan anak angkat perlu memerah susu ibu secara manual dengan cara yang sistematik pada peringkat lebih awal, iaitu sebaik-baik sahaja keputusan untuk pengambilan anak angkat dibuat.

Ada empat fasa dalam pencetusan penghasilan susu ibu. Yang pertamanya, pengambilan pil perancang dan *domperidone* bagi membolehkan badan "meniru" proses pembentukan kelenjar mamari, seperti yang berlaku ketika kehamilan. Yang keduanya, pengambilan pil perancang oleh ibu

angkat dihentikan, tetapi pengambilan *domperidone* diteruskan bagi pencetusan penghasilan susu ibu.

Yang ketiganya, perahan susu oleh ibu angkat, sama ada secara manual atau dengan bantuan alat sistem kejururawatan tambahan (SNS) bagi pengalakan penghasilan dan pengeluaran susu ibu. Yang keempatnya, bayi disusukan secara terus daripada payudara ibu angkat. Hal ini penting supaya rangsangan terhadap payudara bagi pengalakan penghasilan susu yang lebih banyak ditingkatkan.

Penyusuan susu ibu memerlukan tahap pengorbanan dan kesabaran yang tinggi. Oleh sebab itu, bagi membolehkan pencetusan susu ibu berjaya dilakukan, ibu angkat harus sentiasa berfikir positif dan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi. Penghasilan susu ibu bergantung pada tindak balas hormon dan rembesan hormon yang menerima arahan daripada otak.

Lantaran itu, bagi ibu yang ingin menyusukan anak, minda perlu dididik supaya bekerjasama dalam penghasilan susu ibu. Hal ini penting supaya susu yang dihasilkan cukup untuk bayi yang baru lahir sehingga usia dua tahun.

Penulis Penyelaras Unit Perkembangan Kesihatan Wanita (Pakar Obstetrik dan Ginekologi), Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM).

**Peningkatan rangsangan susu ibu yang banyak dapat dicapai menerusi latihan yang dilakukan pada bayi, iaitu penyusuan dilakukan secara terus daripada payudara ibu.**

Peningkatan rangsangan susu ibu yang banyak dapat dicapai menerusi latihan yang dilakukan pada bayi, iaitu penyusuan dilakukan secara terus daripada payudara ibu, selain penggunaan alat SNS bagi rangsangan penghasilan susu ibu.

Walau bagaimanapun, penggunaan puting tiruan tidak digalakkan supaya bayi tidak mengalami keadaan yang dikenali sebagai keliru puting. Sebaliknya, ibu dinasihatkan supaya memberikan susu ibu kepada anak dengan menggunakan sudu atau cawan kecil.

Hal ini dikatakan demikian kerana apabila bayi mula keliru antara puting dengan puting tiruan, usaha pemujuk bayi untuk penyusuan terus daripada payudara ibu menjadi sukar. Lantaran itu, payudara dapat mengurangkan rangsangan penghasilan susu ibu.

Secara kesimpulannya, ibu angkat yang mahu menghasilkan susu untuk penyusuan anak angkat perlu berbincang dengan doktor atau pakar laktasi, jika pil dan ubat perangsang penghasilan susu ibu ingin diambil. Selain itu, kesan sampingan yang mungkin berlaku pada badan ibu atau bayi yang disusui dengan penggunaan ubatan ini perlu dikenal pasti. □